

Dekati masyarakat, erat hubungan antara media dengan khalayak ramai

Jelajah Ramadan RTM, UMP

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@utusan.com.my

KUANTAN 6 Ogos - Sebanyak 300 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program Jelajah Ramadan anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan universiti berkenaan di Kuala Pahang, Pekan dekat sini baru-baru ini.

Program yang turut mendapat kerjasama pejabat Ahli Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya itu bertujuan mendekati masyarakat serta menyemarakkan lagi sambutan Ramadan kali ini.

Dalam program berkenaan, penyediaan bubur lambuk dan juadah berbuka puasa dilakukan secara bergotong-royong bersama masyarakat Kuala Pahang yang turut disertai pelajar UMP termasuk penglibatan pelajar antarabangsa.

Majlis berbuka puasa dihadiri oleh ADUN Peramu Jaya, Datuk Sh. Mohmed Puzi Sh. Ali; Pengarah Jabatan Penyiaran negeri, Zubad Ibrahim; Pengarah UMP, Mustafa Ibrahim; Pengarah Media Elektronik, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Mustafa Kamal Abd. Razak dan Penghulu Kampung, Hassan Mohd Shukur.

Menurut Zubad, program berkenaan dianjurkan bagi mendekati masyarakat secara langsung dalam

mengeratkan hubungan dan mewujudkan keakraban antara media dengan khalayak umum.

"Siri Jelajah Kembara RTM ini adalah sebagai satu inisiatif Jabatan Penyiaran Negeri mendekati penonton dan pendengar. Justeru, siri jelajah ini dirancang melibatkan beberapa kampung di seluruh negara untuk bertemu dengan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Penyelaras program, **Zainordin Mohammed** berkata, selain di Kuala Pahang, program yang turut singgah di Maran itu merupakan alternatif bagi mendekati masyarakat.

"Selain bergotong-royong memasak dan menyediakan juadah berbuka, para tetamu turut memanfaatkan program dengan tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Nik Ibrahim Abdul dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang," katanya.

Pelajar antarabangsa UMP, **Noor Hindryawati**, 35, yang berasal dari Indonesia melahirkan rasa bertuah kerana berpeluang mempelajari cara menyediakan bubur lambuk.

Katanya, di Indonesia bubur itu dinamakan bubur Manado, memandangkan resipinya hampir sama namun sedikit berbeza apabila Manado menggunakan tambahan jagung.



NOOR Hindryawati (dua dari kanan) bersama masyarakat Kuala Pahang menjayakan program gotong-royong memasak bubur lambuk dan menyediakan jamuan berbuka puasa sempena siri Jelajah Ramadan anjuran Radia Televisyen Malaysia (RTM) dan UMP di Kuala Pahang, Pekan, Pahang, baru-baru ini.

UM (K/10) Rabu 7/8/17 ms2c